

02/09/2001

Umno Beseri sokong Zahidi

KANGAR: Ketua komponen Barisan Nasional (BN) di Beseri, semalam menyatakan sokongan kepada Zahidi Zainal Abidin berikutan tuduhan terhadapnya yang didakwa gagal menjalankan tugas sebagai wakil rakyat.

Timbalan Pengerusi Penyelaras Umno Beseri, Zakaria Salleh, berkata 15 ketua cawangan Umno dan enam dari MCA menandatangani memorandum menyokong Zahidi dan menafikan tuduhan itu.

Memorandum itu juga ditandatangani 19 ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di Beseri. Semua yang menandatangani memorandum menghadiri sidang akhbar yang diadakan di sini.

Ia akan dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Zakaria yang juga ahli jawatankuasa (AJK) Umno bahagian Padang Besar berkata, memorandum itu dibuat berikutan kenyataan akhbar oleh Speaker Dewan Undangan negeri, Azib Saad, mengenai Zahidi, Rabu lalu.

Azib dalam kenyataannya itu berkata, mesyuarat wakil rakyat BN Perlis yang dipengerusikan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, memutuskan menghantar surat rasmi kepada Perdana Menteri mengenai kegagalan Zahidi menjalankan tugas.

(END)